

Semak draf hingga 10 Ogos

SINAR 3/8/2017

KUANTAN - Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) kini sedang mengadakan semakan draf Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2035 (penggantian) yang diadakan selama sebulan bermula 11 Julai sehingga 10 Ogos ini.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, orang ramai boleh menyemak laporan tersebut di lokasi ditetapkan di daerah ini.

"Semakan boleh dibuat di ruang legar ibu pejabat MPK Jalan Tanah Putih dan ruang legar bangunan kom-tur, Bandar Indera Mahkota," katanya dalam satu kenyataan media di sini.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi Seksyen Perhubungan Awam di talian 09-5121555/5121666 atau layari web MPK di www.mpk.gov.my